

TEKS UCAPAN

**PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN
UNIVERSITI (AKU) TAHUN 2016**

**12 JULAI 2017 (RABU) | 8.30 PAGI
DEWAN RESITAL, UMS**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Salutasi

(Akan dimaklumkan kemudian)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dianugerahi kesihatan yang baik dan kelapangan masa untuk turut sama memeriahkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Universiti (AKU) Tahun 2016,

Universiti Malaysia Sabah pada tahun ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah yang memberikan komitmen cemerlang sepanjang tahun 2016, jawatankuasa pelaksana yang diketuai Pendaftar, En. No'man Datuk Haji Ahmad serta penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan UMS yang mula menginjak dunia persaraan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, mantan Naib Canselor UMS yang telah menerajui UMS selama 5 tahun. Banyak perubahan yang kita boleh nampak dan nikmati sepanjang kepimpinan beliau untuk meneruskan agenda kecemerlangan universiti menerusi inisiatif EcoCampus. Saya berharap, momentum kecemerlangan ini kita akan teruskan bersama-sama kerana masih banyak halangan dan pancaroba yang menanti untuk tahun-tahun mendatang.

Tidak terlambat juga untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UMS yang menyambutnya. Semestinya, banyak rumah terbuka yang dikunjungi, bahkan ada juga dalam kalangan kita yang membuat rumah terbuka bagi merai sanak saudara dan rakan taulan untuk berkunjung. Justeru, saya ingin ulangi apa yang telah disampaikan oleh Pendaftar tadi, jangan lupa untuk berkunjung ke Majlis Sambutan Aidilfitri RAYA@UMS pagi esok dan beraya bersama tetamu terhormat kita,

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa bin Aman.

**Tuan-tuan dan puan-puan rakan
seperjuangan yang saya hormati sekalian,**

Saya dimaklumkan, seramai 194 kakitangan UMS yang layak menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada pagi ini, 16 kakitangan bersara yang menerima Anugerah Jasamu Dikenang, 25 kakitangan yang berkhidmat selama 20 tahun bagi Anugerah Jasa Setia dan 9 anugerah inovasi akan disampaikan. Angka tersebut menunjukkan yang kakitangan UMS sangat komited dalam menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan sepanjang tahun 2016.

Anugerah-anugerah lain yang turut disediakan ialah Anugerah Khas Universiti, Anugerah Khas Kepimpinan Universiti dan Penghargaan Khas Naib Canselor.

Apa yang pasti, kecemerlangan tidak hadir dengan mudah umpama bola yang datang bergolek. Tiada tongkat sakti yang mampu menjadikan seseorang itu cemerlang kecuali dengan berusaha. Ingatlah, setiap pekerjaan yang diusahakan dengan ikhlas, nescaya akan hadir balasan setimpal untuk menghargai apa yang telah diusahakan.

Sebagai penjawat awam, kita dituntut untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada masyarakat sepanjang berkhidmat. Bagi menjadikan kita sentiasa cemerlang, haruslah kita tanamkan dalam akal dan jiwa kita untuk menjadi kakitangan yang sentiasa dinamik, lestari dan berintegriti. Kata pujangga, orang yang paling berkuasa adalah orang yang dapat menguasai dirinya sendiri.

Kenali potensi diri, rendahkan hati, elakkan pekerti, ketepikan hasrat peribadi untuk menjadikan anda terkawal dalam melakukan sebarang tindakan.

Bagi penerima anugerah hari ini, teruskan berkhidmat dengan memberikan komitmen yang tinggi tanpa mengharapkan pengiktirafan dan sanjungan nama. Tugas sebagai penjawat awam merupakan satu amanah dan harus dipikul dengan penuh ikhlas dan tanggungjawab. Dalam konteks agama Islam,

ikhlas bekerja sebenarnya adalah satu ibadah dan jika ia dapat difahami, sudah tentu ia akan dapat melahirkan keseronokan bekerja dalam kalangan warga UMS. Niat yang ikhlas akan mencorak pemikiran yang penuh bijaksana serta matang dalam menilai dan membuat keputusan.

Oleh hal yang demikian, saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan kompetensi diri dan fokus terhadap tanggungjawab masing-masing.

Budayakan kreativiti dan amalkan inovasi dalam setiap pekerjaan rutin yang kita lakukan, nescaya kita akan dapat meningkatkan prestasi yang akhirnya akan menghasilkan perkhidmatan berkualiti dan efisien.

**Hadirin hadirat yang saya hormati
sekalian,**

Dalam ucapan Pendaftar tadi, beliau turut menekankan aspek disiplin dalam melakukan pekerjaan. Kita perlu bertanya dengan diri kita, kenapa kita diminta mengatur disiplin kita? Sudah tentu kita mesti mempunyai disiplin sama ada untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat mahupun organisasi. Asasnya, individu yang berdisiplin akan melakukan sebarang pekerjaan dengan matang, cekap, tenang dan selesa bagi memajukan diri.

Justeru, saya ingin lihat warga UMS mementingkan disiplin dalam apa sahaja situasi agar kita dapat melaksanakan pekerjaan mengikut waktu dan merealisasikan inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan lebih mudah dan berkesan. Saya percaya, menerusi paduan disiplin dan ikhlas dalam menjalankan tugas, pastinya kita telah menyumbang nilai yang baik terhadap kecemerlangan UMS.

Akhir bicara, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah yang telah menabur bakti kepada UMS. Inilah bukti yang anda sentiasa dihargai! Syabas kepada seluruh jawatankuasa pelaksana dan semua pihak yang bertungkus-lumus merancang, menyusun, mengatur dan menganjurkan acara berprestij ini. Komitmen dan kerjasama yang tuan-tuan dan puan-puan berikan sangat dihargai dan anda semua layak untuk berbangga atas pencapaian ini.

Pesanan saya untuk anda semua dan diri saya sendiri, jangan cepat berpuas hati dan leka dengan kejayaan yang kita peroleh hari ini kerana ia tidak kekal lama. Semoga anugerah yang diperoleh ini akan menjadi momentum untuk kita semua terus berusaha menggapai apa yang diimpikan.

Sekian dan terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh